

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID**

SOALAN : **~~110~~ 105**

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah rakyat negara asing yang mendapat status pelarian oleh Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR) di Malaysia.

JAWAPAN:

YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik UNHCR sehingga 30 April 2016, terdapat seramai 154,148 'pelarian' dan pemohon suaka di Semenanjung Malaysia. Seramai 139,776 atau 90% daripadanya merupakan 'pelarian' dan pemohon suaka dari Myanmar. Manakala selebihnya adalah 'pelarian' dan pemohon suaka dari 60 buah negara lain.

Sekian. Terima kasih.